

06 MAY 1996

PERNIAGAAN MALAYSIA MESTI MEMPERSEDIAKAN DIRI UNTUK BERSAING SEDUNIA

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Perniagaan Malaysia mesti bersiap sedia untuk bersaing dengan perniagaan asing sebaik sahaja pasaran negara dibuka pada masa depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sambil memberi ingatan bahawa dunia pada masa depan tidak akan terasing tetapi akan menjadi tanpa sempadan, beliau berkata mereka harus mengekalkan kos yang rendah supaya dapat bersaing sedunia.

Beliau berkata walaupun sesetengah negara maju sedang menggunakan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk mengenakan tekanan ke atas negara-negara membangun supaya membuka pasaran mereka, Kerajaan Malaysia akan, buat sementara ini, menentang percubaan tersebut.

Sebagai contoh, beliau berkata Malaysia masih belum bersedia untuk membuka pasarannya, terutamanya perkhidmatan kewangan.

Bank-bank asing yang besar, selain daripada yang sudahpun berada di sini, tidak keberatan, buat permulaan, untuk menanggung kerugian jika mereka diberi peluang untuk menubuhkan cawangan tempatan kerana kerugian itu boleh diimbangi oleh ketuntangan yang diraih di tempat lain, katanya pada majlis dialog dengan sektor swasta anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Pada masa ini, Dr Mahathir berkata jikapun sebuah bank Malaysia membuka cawangan di sebuah kampung di Amerika Syarikat, ia tidak akan memberi sebarang kesan kerana jumlah dana yang kecil dimiliki oleh entiti tempatan.

Oleh itu, beliau berkata Malaysia akan cuba meyakinkan negara-negara membangun yang lain supaya menentang percubaan negara-negara maju untuk mempergunakan WTO sebagai satu kemestian bagi semua anggota WTO membuka pasaran mereka.

"Kita akan bangkit dan menentang dan kita akan menghadapi satu pertarungan yang lasak," kata Perdana Menteri.

Merujuk kepada penubuhan jenama-jenama Malaysia, beliau berkata kerajaan tidak mahu terlalu banyak jenama Malaysia, umpamanya seribu, tetapi memadai dengan 10 sahaja, buat masa ini.

"Terlalu banyak jenama pada masa ini mungkin mengelirukan dan mungkin sukar untuk mendapat pasaran," katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang kerajaan ingin lihat ialah beberapa buah firma tempatan bersatu untuk mencapai ekonomi bidangan dan mengeluarkan barangan bermutu dengan jenama tertentu seperti yang telah dilakukan oleh sesetengah syarikat antarabangsa yang besar.

Merujuk kepada galakan atau insentif, beliau berkata syarikat-syarikat tempatan tidak seharusnya diminta memberi tumpuan kepada pasaran tempatan yang agak kecil dengan jumlah penduduk 19 juta.

Sebagai contoh, beliau mengambil sesetengah vendor komponen untuk Proton, pengeluar kereta nasional, yang mengimport kebanyakan "alat untuk membuat komponen" dan hanya berpuas hati dengan membuat kelongsong komponen.

Oleh itu, satu peratusan besar daripada komponen masih diimport, dengan itu menjadikan kereta nasional kurang berdaya saing bila dibandingkan dengan yang dibuat di Korea Selatan.

Menjawab pertanyaan dari peserta dialog mengenai kuota perumahan sebanyak 60 peratus untuk Bumiputera di Melaka, iaitu lebih tinggi berbanding 30 peratus di negeri-negeri lain, Dr Mahathir berkata beliau akan meneliti perkara itu.

Beliau berkata kerajaan tidak boleh menghapuskan kuota itu kerana adalah tidak elok jika sesebuah kawasan perumahan itu terdiri daripada satu kaum sahaja.

Merujuk kepada levi RM100,000 atas pembelian rumah jenis tertentu di negara ini, beliau berkata kerajaan akan mengkaji semula peraturan jika ia didapati menghindar pembangunan.

Beliau memberi penjelasan bahawa levi itu dikenakan untuk membolehkan rakyat Malaysia berkemampuan membeli rumah yang pada satu ketika dibolot oleh orang asing kerana kuasa membeli yang lebih tinggi.

Majlis itu juga diberitahu bahawa tiada kekeliruan mengenai tarikh penguatkuasaan levi itu, yang menurut setengah pihak mulai Hari Belanjawan (27 Okt) tahun lepas sementara yang lain berkata ia akan dikenakan mulai tarikh pindaan kepada Kanun Tanah Negara diluluskan, iaitu 17 Mac. --
BERNAMA

SHY SIA